

# MESYUARAT FINAL PLANNING CONFERENCE SAREX LIMA '19

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4415-mesyuarat-final-planning-conference-sarex-lima-19](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4415-mesyuarat-final-planning-conference-sarex-lima-19)



LANGKAWI, 24 Jan 19 - Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi 2019 (LIMA '19) akan berkangsung bermula 26 hingga 30 Mac 2019 di Pulau Langkawi, Kedah. Justeru, sebagai sebahagian daripada persiapan yang sedang giat dijalankan ialah Eksesis Mencari dan Menyelamat LIMA 2019 (SAREX LIMA '19). SAREX LIMA '19 dijangka akan diadakan pada 25 hingga 28 Februari 2019 di lokasi yang sama.

Sebelum pelaksanaan Eksesis tersebut, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dah agensi-agensi yang terlibat dalam Operasi SAR sebenar telah mengadakan FPC SAREX LIMA 19 di Bilik Mesyuarat *Airfield Fire Rescue Service* (AFRS), Bangunan AFRS, Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi. FPC yang mengumpulkan lebih daripada 30 buah agensi termasuk *Civil Aviation Authority of Malaysia* (CAAM) telah berjaya dilaksanakan pada 23 hingga 25 Januari 2019.

Selain daripada itu, Tim Sekretariat turut membuat tinjaun tapak di lokasi-lokasi eksesis serta mengenal pasti cabaran-cabaran yang bakal dilalui semasa pelaksanaan SAREX LIMA '19 akan datang. Turut hadir mempergerusikan FPC SAREX LIMA 19 pada kali ini ialah Ketua Staf Markas Pemerintahan Operasi Udara, Mej Jen Dato' Zahani bin Haji Zainail Abidin TUDM.